



PARLIMEN MALAYSIA



PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN PERHUBUNGAN ANTARABANGSA DAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA

DR. 19 TAHUN 2026 – KONFLIK ASIA BARAT

KANDUNGAN

<u>Muka Surat</u>	
• Kandungan	i
• Singkatan	ii
• Infografik	iii
<u>BAHAGIAN I</u> Pengenalan	
• Jawatankuasa dan Terma Rujukan	1
• Pendekatan Tugas Kerja	3
<u>BAHAGIAN II</u> Latar Belakang Pelaksanaan Mesyuarat dan Perjumpaan	
• Latar Belakang	4
<u>BAHAGIAN III</u> Dapatan Mesyuarat dan Perjumpaan	
• Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 5 Tahun 2026	5
• Perjumpaan bersama Duta-duta Besar Gulf Cooperation Council	9
• Pertemuan bersama Duta Besar Iran ke Malaysia	11
<u>BAHAGIAN IV</u> Rumusan Jawatankuasa	
• Rumusan Jawatankuasa	13
<u>BAHAGIAN V</u> Penghargaan	
• Penghargaan	14

SINGKATAN

FTA	Free Trade Agreement
GCC	Gulf Cooperation Council
JKP	Jawatankuasa Pilihan
KLN	Kementerian Luar Negeri
MATRADE	Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia
MIDA	Malaysian Investment Development Authority
MITI	Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri
NIMP 2030	New Industrial Master Plan 2030
OIC	Organisation of Islamic Cooperation



JAWATANKUASA PILIHAN PERHUBUNGAN ANTARABANGSA DAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA KONFLIK ASIA BARAT

DR.19 TAHUN 2026

PENGENALAN

Tujuan penyediaan penyata ini ialah sebagai dokumen rujukan untuk melaporkan dapatan mesyuarat dan perjumpaan-perjumpaan Jawatankuasa Pilihan Perhubungan Antarabangsa dan Perdagangan Antarabangsa yang telah diadakan berhubung isu konflik di Asia Barat.

Fokus utama

Untuk mendapatkan maklumat terkini berhubung pendirian Malaysia bagi isu konflik di Asia Barat yang merangkumi dasar luar Malaysia, kesan terhadap ekonomi dan pelaburan antarabangsa dan hubungan luar Malaysia bersama negara-negara yang terlibat secara langsung atau tidak langsung.



Mesyuarat

Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Bil. 5 Tahun 2026 pada 6 Mei 2026 (Rabu) yang dihadiri oleh Kementerian Luar Negeri, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Malaysia External Trade Development Corporation (MATRADE), Malaysian Investment Development Authority (MIDA) dan Kementerian Ekonomi.



Perjumpaan

- Perjumpaan bersama Duta-duta Besar Negara Gulf Cooperation Council (GCC) yang terdiri daripada negara Bahrain, Oman, Arab Saudi, Emiriah Arab Bersatu, Kuwait dan Qatar pada 7 Mei 2026 (Khamis).
- Perjumpaan bersama Duta Besar Republik Islam Iran ke Malaysia pada 18 Mei 2026 (Isnin).

RUMUSAN JAWATANKUASA

- 1 Secara keseluruhannya, Jawatankuasa berpandangan bahawa terdapat keperluan yang mendesak untuk mendapatkan maklumat lanjut berhubung isu konflik Asia Barat ini terutamanya berhubung pendirian dan dasar luar Malaysia serta kesan pelaburan antarabangsa.
- 2 Penerangan dan maklumat lanjut ini amat penting dalam memastikan maklumat yang tepat dan sahih diperoleh daripada Kementerian Luar Negeri dan Kementerian Perdagangan, Pelaburan dan Industri termasuk agensi di bawahnya, MATRADE agar maklumat ini dapat disalurkan menggunakan platform yang tepat.
- 3 Kesahihan dan ketepatan maklumat yang diperoleh daripada sesi mesyuarat dan perjumpaan-perjumpaan yang diadakan dapat mengurangkan tekanan dan persepsi buruk rakyat Malaysia terhadap panduan yang dikeluarkan oleh kerajaan dan langkah-langkah mitigasi yang akan dilakukan dalam mengurangkan impak secara langsung atau tidak langsung berhubung konflik tersebut.
- 4 Jawatankuasa juga menekankan bahawa platform Jawatankuasa sebagai landasan yang bertanggungjawab dalam memainkan peranan semak dan imbang dalam isu-isu muktahir akan sentiasa bersikap terbuka dan neutral untuk memberikan ruang kepada pihak-pihak berpentingan untuk memberikan maklumat agar dapatan dan kefahaman yang diperoleh daripada isu-isu tersebut adalah menyeluruh.

BAHAGIAN I
PENGENALAN

I. Jawatankuasa dan Terma Rujukan

1. Pada hari Selasa, 12 Ogos 2025, pindaan Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat telah diluluskan oleh Majlis Dewan Rakyat di bawah Peraturan Mesyuarat 80B. Pindaan ini telah menjadikan status 10 Jawatankuasa Pilihan Khas sedia ada sebagai Jawatankuasa Pilihan Tetap yang dikenali sebagai Jawatankuasa Pilihan berkaitan Kementerian. Peraturan Mesyuarat 80B memperuntukkan perkara-perkara seperti yang berikut:
 - 1.1 Hendaklah ada Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan berkaitan Kementerian yang dinamakan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual yang mengandungi tidak lebih daripada dua belas orang ahli yang dilantik oleh Jawatankuasa Pemilih. Pengerusi dan Naib Pengerusi hendaklah dipilih dalam kalangan ahli jawatankuasa.
 - 1.2 Semasa ketiadaan Pengerusi dan Naib Pengerusi oleh sebab keuzuran atau sebab-sebab lain, Jawatankuasa hendaklah memilih mana-mana ahli untuk menjadi Pengerusi bagi mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa itu.
 - 1.3 Kecuali perkara-perkara yang diperiksa oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara di bawah Peraturan Mesyuarat 77(1), menjadi kewajipan Jawatankuasa untuk:
 - 1.3.1 meneliti Rang Undang-undang berkaitan dengan Kementerian yang telah dibacakan kali yang pertama;
 - 1.3.2 meneliti usul daripada ahli yang bukan ahli Kerajaan, Rang Undang-undang daripada ahli yang bukan ahli Kerajaan, rayuan-rayuan dan laporan yang berkaitan dengan Kementerian;
 - 1.3.3 menyiasat dan melaporkan apa-apa perkara yang berkaitan dengan Kementerian; dan
 - 1.3.4 melaksanakan apa-apa perkara lain yang diserahkan kepadanya oleh Majlis atau Menteri dari satu masa ke satu masa.
 - 1.4 Jawatankuasa Pemilih boleh dari satu masa ke satu masa meminda Jadual dan pindaan itu hendaklah dibentangkan dalam Majlis.

- 1.5 Jawatankuasa ini berkuasa memanggil orang hadir di hadapannya atau meminta dikeluarkan surat-surat dan rekod-rekod, dan mengeluarkan penyata kepada Majlis dari satu masa ke satu masa.
2. Ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan Perhubungan Antarabangsa dan Perdagangan Antarabangsa terdiri daripada:
 - 2.1 Yang Berhormat Tuan Wong Chen
(Ahli Parlimen Subang merangkap Pengerusi)
 - 2.2 Yang Berhormat Datuk Willie anak Mongin
(Ahli Parlimen Puncak Borneo merangkap Naib Pengerusi)
 - 2.3 Yang Berhormat Tuan Lee Chuan How
(Ahli Parlimen Ipoh Timor)
 - 2.4 Yang Berhormat Tuan Chong Zhemin
(Ahli Parlimen Kampar)
 - 2.5 Yang Berhormat Datuk Andi Muhammad Suryady bin Bandy
(Ahli Parlimen Kalabakan)
 - 2.6 Yang Berhormat Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan
(Ahli Parlimen Sri Gading)
 - 2.7 Yang Berhormat Dato' Wira Ku Abd Rahman bin Ku Ismail
(Ahli Parlimen Kubang Pasu)
 - 2.8 Yang Berhormat Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal
(Ahli Parlimen Machang)
 - 2.9 Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah
(Ahli Parlimen Langkawi)
 - 2.10 Yang Berhormat Puan Syerleena binti Abdul Rashid
(Ahli Parlimen Bukit Bendera)
 - 2.11 Yang Berhormat Tuan Haji Muhammad Ismi bin Mat Taib
(Ahli Parlimen Parit)
 - 2.12 Yang Berhormat Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik
(Ahli Parlimen Balik Pulau)

II. Pendekatan Tugas Kerja

3. Jawatankuasa ini telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Bil. 5 Tahun 2026 (Rabu) serta pertemuan-pertemuan bersama pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam mendapatkan taklimat dan penerangan yang lebih jelas berhubung situasi konflik di Asia Barat ini. Mesyuarat dan perjumpaan-perjumpaan ini merupakan salah satu langkah Jawatankuasa untuk memahami dan mendalami situasi konflik yang telah memberikan kesan kepada Malaysia secara amnya.
4. Pendekatan tugas Jawatankuasa adalah seperti yang berikut:
 - 4.1 Mesyuarat JKP Bil.5 Tahun 2026 telah diadakan pada 6 Mei 2026 (Rabu), untuk mendapatkan taklimat daripada Kementerian Luar Negeri (KLN), Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) serta agensi di bawahnya, Malaysia External Trade Development Corporation (MATRADE), Malaysian Investment Development Authority (MIDA) dan turut dihadiri oleh Kementerian Ekonomi;
 - 4.2 Perjumpaan bersama Duta-duta Besar Negara Gulf Cooperation Council (GCC) yang terdiri daripada Bahrain, Oman, Arab Saudi, Emiriah Arab Bersatu, Kuwait dan Qatar pada 7 Mei 2026 (Khamis); dan
 - 4.3 Perjumpaan bersama Duta Besar Republik Islam Iran ke Malaysia pada 18 Mei 2026 (Isnin).
5. Jawatankuasa menekankan bahawa peranan dan tanggungjawab Jawatankuasa adalah untuk mendapatkan penerangan secara menyeluruh berhubung konflik Asia Barat khususnya berkenaan dengan pendirian dan pendekatan Malaysia dalam mendepani konflik ini serta hubungan luar dengan negara-negara yang terlibat secara langsung. Penerangan yang menyeluruh amat penting dalam membantu Jawatankuasa memahami isu ini dengan lebih baik agar maklumat yang tepat dapat disalurkan melalui platform Parlimen sewajarnya.

BAHAGIAN II

LATAR BELAKANG PELAKSANAAN MESYUARAT DAN PERJUMPAAN

Jawatankuasa Pilihan Perhubungan Antarabangsa dan Perdagangan Antarabangsa bertanggungjawab untuk memantau dasar luar dan strategi perdagangan negara. Malaysia kekal sebagai negara yang sentiasa mengambil pendekatan neutral dalam dasar luar, berlandaskan keutamaan dalam mengekalkan kedaulatan serta menengahkan kepentingan Malaysia dalam pelbagai aspek.

Ketegangan konflik Asia Barat antara Iran dan Amerika Syarikat yang terus memuncak sejak hujung bulan Februari 2026 telah memberikan kesan yang tidak hanya terhad kepada rantau Asia Barat tetapi juga secara tidak langsung memberikan impak kepada pergerakan ekonomi, sosial, pelaburan dan hubungan luar antara negara di seluruh dunia. Susulan daripada situasi konflik yang kian memuncak, memberikan impak global terutamanya krisis minyak global, Jawatankuasa berpandangan bahawa terdapat keperluan untuk mendapatkan taklimat atau maklumat terkini daripada kementerian-kementerian yang berkaitan berhubung konflik Asia Barat dan kesannya terhadap negara.

Susulan daripada itu, Jawatankuasa telah mendapatkan penerangan daripada KLN berhubung pendirian Malaysia dalam konflik Asia Barat serta garis panduan perjalanan antarabangsa bagi rakyat Malaysia. Pada mesyuarat yang sama, Jawatankuasa juga telah mendapatkan taklimat daripada MITI serta agensi di bawahnya, MATRADE dan MIDA berhubung statistik pelaburan Malaysia-Iran serta pelaburan-pelaburan Malaysia yang terjejas akibat daripada konflik ini.

Jawatankuasa ini menekankan bahawa platform Parlimen merupakan sebuah platform yang berkesan untuk terus mengukuhkan peranan semak dan imbang serta memberikan ruang kepada semua pihak berkepentingan untuk menyampaikan maklumat serta berkongsi pandangan secara khusus. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa telah mengambil inisiatif untuk mengadakan perjumpaan bersama Duta-duta Besar Negara GCC ke Malaysia serta Duta Besar Republik Iran ke Malaysia dalam menerangkan kedudukan negara mereka yang terlibat secara langsung dalam konflik ini.

Jawatankuasa menegaskan bahawa platform Jawatankuasa ini harus digunakan dengan sebaiknya dalam menjalankan peranan sebagai Ahli Parlimen bagi menyampaikan maklumat yang benar dan sahih, selanjutnya dibawa ke dewan perbahasan di Parlimen demi kepentingan rakyat dan negara.

BAHAGIAN III

DAPATAN MESYUARAT DAN PERJUMPAAN

1. Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 5 Tahun 2026

- i. Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 5 Tahun 2026 pada hari Rabu, 6 Mei 2026 telah diadakan bagi membincangkan beberapa agenda utama iaitu untuk mendapatkan taklimat terkini berhubung dengan konflik Asia Barat terutama daripada sudut dasar hubungan luar serta pelaburan dan perdagangan antarabangsa yang secara langsung atau tidak langsung terkesan dengan situasi geopolitik yang berlaku.
- ii. Sesi mesyuarat ini telah dibahagikan kepada dua sesi utama, iaitu sesi pertama dimulakan dengan taklimat daripada KLN dengan objektif untuk mendapatkan maklumat terkini berhubung pendirian Malaysia terhadap krisis geopolitik serta panduan berkenaan pergerakan rakyat Malaysia ke luar negara.

1.1 Kementerian Luar Negeri

- 1.1.1 Dalam sesi ini, KLN menerangkan situasi terkini konflik yang berlaku sehingga mesyuarat ini diadakan dengan penerangan tuntutan-tuntutan utama yang dikemukakan oleh kedua-dua pihak; Iran dan Amerika Syarikat dalam usaha menyelesaikan konflik ini.
- 1.1.2 KLN memaklumkan bahawa Malaysia kekal konsisten dengan pendirian dalam mengekalkan keselamatan laluan maritim di Selat Hormuz, selaras dengan undang-undang antarabangsa serta menyokong sebarang inisiatif untuk menghentikan dan menamatkan konflik serantau ini.
- 1.1.3 Selain daripada itu, KLN turut membentangkan panduan pergerakan ke luar negara yang telah dikeluarkan oleh kementerian bagi rakyat Malaysia yang ingin ke luar negara atau menggunakan penerbangan yang menggunakan laluan merentasi Asia Barat. Panduan pergerakan ini turut menyarankan rakyat Malaysia untuk menangguhkan sebarang perjalanan yang kurang berkepentingan ketika ini sehingga konflik di Asia Barat reda. KLN juga turut menggalakkan agar keberadaan rakyat Malaysia di luar negara turut dimaklumkan kepada pihak kedutaan Malaysia di luar negara dan pihak kedutaan sentiasa bersedia untuk membantu rakyat Malaysia yang memerlukan sebarang bantuan konsular dan bantuan lain yang berkaitan.

- 1.1.4 Kementerian turut memaklumkan bahawa kementerian akan sentiasa memantau perkembangan konflik di Asia Barat dari semasa ke semasa.
- 1.1.5 KLN menekankan pendirian Malaysia dalam mengimbangi hubungan diplomatik dengan negara-negara yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung, agar kedaulatan dan kepentingan negara kekal terpelihara.

1.2 Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri

- 1.2.1 Kementerian telah hadir ke mesyuarat dengan tiga objektif utama seperti yang berikut:
 - 1.2.1.1 Untuk membentangkan nilai statistik terkini pelaburan dan perdagangan antara Malaysia-Iran;
 - 1.2.1.2 Untuk menilai krisis geopolitik ke atas pelaburan dan perdagangan negara; dan
 - 1.2.1.3 Untuk membentangkan langkah-langkah mitigasi bagi pelabur dan industri yang berkesan susulan konflik ini.
- 1.2.2 Seiring dengan dasar luar Malaysia yang berprinsip serta berkecuali dalam meletakkan kedudukan negara dalam isu konflik di Asia Barat ini, kementerian menjelaskan bahawa Malaysia menjalinkan hubungan ekonomi terhad bersama Iran dengan jumlah nilai perdagangan RM2,453.1 juta pada tahun 2025, meletakkan Iran sebagai rakan dagang ke-59 terbesar bagi Malaysia dengan sumbangan 0.1% kepada nilai keseluruhan perdagangan negara.
- 1.2.3 Malaysia kekal berdaya tahan dalam menghadapi ketidaktentuan ekonomi. Kedudukan ekonomi Malaysia disokong oleh asas mikroekonomi yang kukuh, persekitaran pelaburan yang stabil serta struktur perindustrian yang pelbagai dan kelebihan sebagai pengeksport bersih tenaga khususnya gas asli cecair dan produk petroleum.
- 1.2.4 Antara barangan eksport utama ke Iran pada tahun 2025 ialah minyak sawit dan barangan berasaskan sawit (85%), tekstil, pakaian dan kasut (3.4%), getah asli (1.7%), barangan elektrik dan elektronik (1.6%), kimia dan bahan kimia (1.3%) yang yang kebanyakan digunakan sebagai bahan minyak wangi dan lain- lain barangan (7%).

- 1.2.5 Barangan import dari Iran ke Malaysia pada tahun 2025 dengan nilai dagangan RM 279.3 juta merangkumi kimia dan bahan kimia (34.6%) yang digunakan kebanyakannya dalam pembuatan minyak wangi, makanan laut segar dan sejuk beku (17.8%), keluaran petroleum (11.4%), barangan makanan diproses (3.4%), minyak sawit bagi tujuan perkilangan (1.7%) dan lain-lain barangan (31.1%).
- 1.2.6 Dalam mendepani krisis konflik yang berlaku, beberapa langkah mitigasi dan pasaran global sedang giat dijalankan oleh Malaysia antaranya seperti yang berikut:
- 1.2.6.1 Menggunakan potensi dan peluang pasaran di negara-negara lain di Asia Barat dan seperti pasaran industri halal, barangan elektrik dan elektronik serta perkhidmatan yang pelbagai;
 - 1.2.6.2 Mempelbagaikan barangan eksport yang bernilai tinggi ke Asia Barat selain minyak sawit yang merupakan produk eksport utama antara Malaysia-Iran;
 - 1.2.6.3 Mempromosikan sektor-sektor bernilai tinggi di bawah Pelan Induk Perindustrian (NIMP 2030) dan selaras dengan dasar-dasar nasional yang lain;
 - 1.2.6.4 Memperkukuh rantai bekalan melalui syarikat-syarikat global dan konglomerat tempatan;
 - 1.2.6.5 Memperkukuh fasiliti pelaburan melalui platform fasiliti berpusat;
 - 1.2.6.6 Memanfaatkan FTA sedia ada dengan memperkasakan promosi eksport; dan
 - 1.2.6.7 Mendigitalisasikan eksport melalui pembangunan digital tempatan seperti MADANI Digital Trade Platform.



Rajah 1: Ahli Mesyuarat sedang mendengar taklimat daripada Kementerian Luar Negeri



Rajah 2: Gambar Ahli-ahli mesyuarat yang terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Pilihan, pegawai-pegawai kanan serta wakil-wakil daripada Kementerian Luar Negeri, Kementerian Perdagangan, Pelaburan dan Industri serta Kementerian Ekonomi

2. Perjumpaan bersama Duta-duta Besar Gulf Cooperation Council

- 2.1 Perjumpaan bersama Duta-duta Besar GCC ini merupakan inisiatif oleh Duta Besar Bahrain ke Malaysia sebagai pengerusi GCC bagi tahun 2026 dalam menerangkan kedudukan dan pendirian negara-negara GCC yang terlibat secara langsung dalam konflik di Asia Barat.
- 2.2 Pertemuan ini disambut baik oleh Jawatankuasa yang berpandangan bahawa platform Jawatankuasa boleh digunakan untuk mendapatkan penerangan dan maklumat yang lebih lanjut daripada pelbagai pihak yang berkepentingan, terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam sesuatu isu.
- 2.3 Pertemuan dua hala bersama Duta Besar Bahrain ke Malaysia ini turut disertai oleh Duta Besar Arab Saudi ke Malaysia, Duta Besar Qatar ke Malaysia, Duta Besar Emiriah Arab Bersatu ke Malaysia, Duta Besar Oman ke Malaysia dan Duta Besar Kuwait ke Malaysia yang merupakan wakil-wakil negara yang terlibat secara langsung dalam konflik di Asia Barat ini.
- 2.4 Duta-duta Besar Negara GCC menerangkan kepada Jawatankuasa berhubung situasi semasa di Asia Barat dan menerangkan pendirian-pendirian negara mereka dalam perkara ini. Duta-duta Besar Negara GCC juga mengambil peluang pertemuan ini untuk menyatakan kepentingan bagi negara-negara di rantau Asia Barat untuk saling bersatu-padu dalam mengekalkan keamanan dan kestabilan untuk kebaikan sejagat terutamanya daripada sudut ekonomi, sosial dan politik.
- 2.5 Jawatankuasa mengambil maklum berhubung segala maklumat yang disampaikan oleh semua Duta Besar Negara GCC dan menghargai inisiatif yang dilakukan dalam menggunakan ruang diplomasi Parlimen ini sebaiknya.
- 2.6 Semasa perjumpaan tersebut, Jawatankuasa turut memaklumkan bahawa Malaysia menyokong segala usaha keamanan yang dilakukan oleh pelbagai pihak untuk meredakan dan sekaligus menghentikan konflik ini daripada berlarutan selaras dengan undang-undang antarabangsa.



Rajah 3: YB Kubang Pasu mengutarakan beberapa persoalan berhubung konflik Asia Barat



Rajah 4: Gambar Ahli-ahli mesyuarat yang terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Pilihan Perhubungan Antarabangsa dan Perdagangan Antarabangsa serta Duta-duta Besar Negara GCC

3. Pertemuan bersama Duta Besar Iran ke Malaysia

- 3.1 Jawatankuasa telah mengambil inisiatif untuk mengadakan pertemuan bersama Duta Besar Iran ke Malaysia susulan daripada pertemuan bersama Duta-duta Besar Negara GCC ke Malaysia pada Khamis, 7 Mei 2026 yang lalu.
- 3.2 Jawatankuasa berpandangan bahawa pertemuan bersama ini merupakan salah satu langkah dalam memahami konflik di Asia Barat dengan lebih baik bagi memperlihatkan pendekatan bersama pihak yang terlibat tanpa memihak kepada mana-mana pihak dalam konflik ini.
- 3.3 Duta Besar Iran ke Malaysia menghargai usaha dan pendekatan yang diambil oleh Jawatankuasa dalam memberikan ruang kepada pihak Iran untuk menjelaskan punca konflik ini terdetus dan tuntutan yang telah dinyatakan oleh pihak Iran dalam usaha untuk menghentikan konflik ini.
- 3.4 Jawatankuasa menghargai kerjasama dan maklumat yang telah disampaikan oleh Duta Besar Iran ke Malaysia dalam membantu Jawatankuasa ini memahami konflik ini dengan lebih baik.
- 3.5 Jawatankuasa turut menegaskan bahawa Malaysia kekal dengan pendirian bahawa kestabilan dan keamanan global harus terus dikekalkan demi keamanan sejagat mengikut undang-undang antarabangsa yang perlu dihormati.



Rajah 5: Pertemuan dua hala antara Ahli Jawatankuasa Pilihan Perhubungan Antarabangsa dan Perdagangan Antarabangsa bersama Duta Besar Republik Iran ke Malaysia



Rajah 6: YB Subang selaku Pengerusi JKP telah menyerahkan cenderamata sebagai tanda penghargaan atas pertemuan dua hala ini

BAHAGIAN IV

RUMUSAN JAWATANKUASA

Susulan daripada konflik di Asia Barat yang melibatkan Iran-Amerika Syarikat secara langsung yang menjadi perhatian dunia, Jawatankuasa telah menjalankan fungsinya dengan mendapatkan penerangan dan maklumat lanjut daripada kementerian-kementerian di bawahnya; Kementerian Luar Negeri, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri serta Kementerian Ekonomi.

Jawatankuasa mengambil pendekatan untuk mendalami isu konflik di Asia Barat yang secara langsung dan tidak langsung telah menjejaskan rantai ekonomi Malaysia dan global secara amnya. Dalam isu ini, Jawatankuasa telah mendapatkan taklimat daripada Kementerian Luar Negeri, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri serta Kementerian Ekonomi khususnya dalam mendapatkan maklumat berhubung pendirian Malaysia, hubungan bilateral Malaysia-Iran dalam pelbagai sektor serta impak pelaburan dan langkah-langkah mitigasi dalam mendepani konflik ini.

Jawatankuasa juga telah menjalankan peranan dengan mendengar penerangan daripada Duta-duta Besar Negara GCC dan Duta Besar Iran ke Malaysia dalam mendapatkan maklumat yang terkini berhubung ketegangan yang berlaku di rantau Asia Barat. Perjumpaan yang telah diadakan merupakan simbol kepada peranan semak dan imbang dengan menggunakan landasan diplomasi jalur kedua yang memegang kepada prinsip dasar luar Malaysia yang menghormati undang-undang antarabangsa, tanpa kompromi kepada kepentingan dan kedaulatan negara.

Jawatankuasa berpandangan bahawa penerangan-penerangan yang telah diberikan oleh pihak-pihak kementerian yang berkaitan serta perjumpaan dengan Duta-duta Besar Negara GCC dan Iran ke Malaysia telah memberikan panduan kepada Jawatankuasa untuk menyampaikan maklumat yang tepat dan sahih dengan menggunakan dewan perbahasan sebagai platform utama untuk disampaikan kepada rakyat.

BAHAGIAN V
PENGHARGAAN

1. Jawatankuasa Pilihan Perhubungan Antarabangsa dan Perdagangan Antarabangsa, Dewan Rakyat merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama dan sokongan dalam membantu Jawatankuasa ini mendalami dan memahami isu konflik di Asia Barat ini dengan lebih baik.
2. Sekalung penghargaan kepada Ahli-ahli Jawatankuasa dan juga kepada pihak Kementerian dan agensi, seperti yang berikut:
 - i. Parlimen Malaysia;
 - ii. Kementerian Luar Negeri;
 - iii. Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri;
 - iv. Kementerian Ekonomi;
 - v. wakil-wakil negara-negara Teluk; dan
 - vi. Kedutaan Besar Republik Islam Iran

atas sumbangan yang diberikan dalam membantu Jawatankuasa ini memainkan peranan yang efisien dan teratur sebagai unit legislatif semak dan imbang yang lebih berkesan.


LAMPIRAN

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN PERHUBUNGAN ANTARABANGSA DAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA

DR. 19 TAHUN 2026 – KONFLIK ASIA BARAT

NO.	LAMPIRAN	DOKUMEN	MUKA SURAT
1.	Lampiran A	Slaid pembentangan daripada Kementerian Luar Negeri semasa Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 5 Tahun 2026	1
2.	Lampiran B	Slide pembentangan daripada Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri semasa Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 5 Tahun 2026	6

Slaid pembentangan daripada Kementerian Luar Negeri semasa Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 5 Tahun 2026



SITUASI TERKINI

2 MEI 2026: PELAN 14 PERKARA

Iran hantar pelan kepada AS memfokuskan usaha menamatkan perang di semua medan konflik termasuk Lubnan

MAKLUM BALAS AS

AS akan menelitikan pelan tersebut dan belum mengumumkan sokongan jelas bahawa pelan ini boleh dijadikan rangka kerja utama bagi penyelesaian jangka panjang.

TUNTUTAN UTAMA OLEH IRAN

- Penghentian penuh serangan AS
- Pengunduran pasukan tentera AS
- Penamatan sekatan laut
- Pemansuhan sekatan ekonomi terhadap Iran
- Pembebasan aset Iran yang dibekukan

PENDIRIAN MALAYSIA

KECAMAN MALAYSIA

- Serangan yang dilakukan oleh AS dan Israel terhadap Iran serta serangan balas terhadap GCC
- Serangan infrastruktur kritikal serta penutupan Selat Hormuz

PENEGASAN MALAYSIA

- Kepentingan untuk mengekal keselamatan laluan maritim di Selat Hormuz, selaras dengan undang-undang antarabangsa
- Sebarang inisiatif untuk menghentikan tumpahan darah dan menamatkan konflik serantau wajar disokong

SOKONGAN MALAYSIA

- Usaha meredakan konflik demi menjaga keamanan dan kestabilan di Asia Barat
- Perjanjian gencatan senjata antara AS dan Iran
- Semua pihak untuk menghormati terma gencatan senjata

Disediakan oleh Bahagian Asia Barat, Kementerian Luar Negeri Malaysia | SUUT

PERGERAKAN RAKYAT MALAYSIA



Nasihat Perjalanan

1 MAC 2026:

- Bersedia mendepani sebarang pembatalan penerbangan atau sekatan perjalanan
- Menangguhkan perjalanan yang tidak mustahak ke negara-negara tersebut
- Mendaftar butiran perhubungan dengan Kedutaan Besar Malaysia

5 MAC 2026:

- Menyelaraskan usaha evakuasi warganegara yang terkandas
- Proses evakuasi diutamakan kepada warganegara yang telah berdaftar dalam pangkalan data rasmi.

Disediakan oleh Bahagian Asia Barat, Kementerian Luar Negeri Malaysia | SUUT

PERGERAKAN RAKYAT MALAYSIA | 1 MAC 2026



0210026
UNTUK SIARAN BERTAMBAH

WISMA PUTRA

SIARAN AKHBAR

NASIHAT PERJALANAN TERKINI BAGI KAWASAN KONFLIK DI TIMUR TENGAH DAN NOTIS EVAKUASI

Kementerian Luar Negeri memandang serius peningkatan ketegangan konflik yang semakin memuncak di Timur Tengah.

Keselamatan dan kesejahteraan rakyat Malaysia sentiasa menjadi keutamaan Kerajaan. Mengambil kira ancaman keselamatan semasa, Kementerian menasihati warganegara Malaysia agar menangguhkan perjalanan ke negara-negara yang terjejas oleh konflik berkenaan. Nasihat ini juga terpakai kepada rakyat Malaysia yang berhasrat untuk mengerjakan umrah atau zarah.

Nasihat perjalanan ini akan terus berkuat kuasa sehingga suatu masa yang akan dimaklumkan kelak. Sehubungan itu, Kementerian memohon kerjasama dan kefahaman semua pihak, termasuk agensi pelancongan.

Pada masa yang sama, Kementerian sedang bekerjasama dengan Pesekikan Diplomatik Malaysia, kerajaan negara-negara berkenaan serta syarikat penerbangan bagi mengatur usaha evakuasi rakyat Malaysia yang terkandas susulan penggantungan penerbangan dan penutupan ruang udara. Usaha evakuasi ini juga meliputi rakyat Malaysia yang ingin kembali ke tanah air, berdasarkan pangkalan data rakyat Malaysia yang berdaftar.

Rakyat Malaysia digesa untuk segera mendaftar dan mengemaskini maklumat perhubungan masing-masing dengan Kedutaan Besar Malaysia atau Pesekikan Diplomatik Malaysia yang terdekat, atau melalui e-Konsular di <https://ekonsular.kln.gov.my>, bagi memudahkan penyelarasan evakuasi tersebut. Maklumat perhubungan Pesekikan Diplomatik Malaysia yang berkenaan adalah seperti yang disenaraikan di bawah.

Pesekikan Diplomatik Malaysia di negara-negara terjejas telah berhubung dengan rakyat Malaysia sejak peringkat awal konflik bagi menyatukan bantuan konsular serta mendapatkan maklumat yang diperlukan untuk lisan penempatan kontingen.

Rakyat Malaysia di negara-negara terjejas digesa supaya sentiasa mengamalkan tahap kewaspadaan yang tinggi, mengelakkan kawasan operasi ketenteraan dan perhimpunan awam, serta mematuhi sepenuhnya arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan.

Kementerian akan memastikan usaha evakuasi ini dilaksanakan dengan sebaiknya dengan kerjasama semua pihak berkenaan demi menjaga kepentingan dan keselamatan rakyat Malaysia.

PUTRAJAYA
5 Mac 2026



MALAYSIA MADANI



0210026

Disediakan oleh Bahagian Asia Barat, Kementerian Luar Negeri Malaysia | SUUT

PERGERAKAN RAKYAT MALAYSIA | 5 MAC 2026



0300018
UNTUK SIARAN BERTAMBAH

WISMA PUTRA

SIARAN AKHBAR

NASIHAT PERJALANAN UNTUK WARGANEGARA MALAYSIA DI IRAN, IRAQ, JORDAN, KUWAIT, QATAR, BAHRAIN DAN EMIRAH ARAB BERSATU (UAE)

Kementerian Luar Negeri Malaysia sedang memantau rapi perkembangan situasi keselamatan di Timur Tengah susulan laporan serangan terkini dan peningkatan ketegangan yang melibatkan Iran dan Israel.

Berikutan perkembangan semasa, termasuk serangan ketenteraan terhadap serta peningkatan langkah keselamatan di beberapa kawasan, penutupan ruang udara dan gangguan penerbangan telah dilaporkan di Iran, Iraq, Jordan, Kuwait, Qatar, Bahrain dan Emiriah Arab Bersatu. Sehubungan itu, rakyat Malaysia di negara-negara berkenaan dinasihatkan supaya bersedia menghadapi kemungkinan perubahan jadual penerbangan secara mendadak, penutupan lapangan terbang, serta sekatan perjalanan. Pengaturan alternatif atau jalan kontingen hendaklah dibuat dengan segera sekiranya perlu.

Kementerian menggesa rakyat Malaysia di Iran, Iraq, Jordan, Kuwait, Qatar, Bahrain dan Emiriah Arab Bersatu, khususnya di kawasan yang terjejas atau berhampiran dengannya, agar sentiasa mengamalkan tahap kewaspadaan yang tinggi, mengelak kawasan operasi ketenteraan dan perhimpunan awam, serta mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan. Perjalanan yang tidak mustahak ke negara-negara tersebut hendaklah ditangguhkan sehingga keadaan keselamatan kembali stabil.

Semua rakyat Malaysia yang menetap atau sedang berada di negara-negara berkenaan diseru untuk segera mendaftar dan mengemaskini butiran perhubungan masing-masing dengan Kedutaan Besar Malaysia atau Pesekikan Diplomatik Malaysia yang terdekat, atau melalui e-Konsular di <https://ekonsular.kln.gov.my>, bagi memudahkan penyusunan bantuan sekiranya diperlukan.

Kementerian kekal komited dalam memastikan kebajikan dan keselamatan warganegara Malaysia di luar negara sentiasa terpelihara. Sekiranya berlaku kecemasan atau sekiranya memerlukan bantuan konsular, rakyat Malaysia boleh menghubungi Kedutaan Besar Malaysia yang terdekat:

KEDUTAAN BESAR MALAYSIA DI TEHRAN, IRAN
Tel: +98 21 8807 2444 / +98 21 8807 8806 / +98 933 535 2002 (Kecemasan)
Email: mtehran@kln.gov.my

KEDUTAAN BESAR MALAYSIA DI BAGHDAD, IRAQ
Tel: +964 787 859 8775 (Kecemasan)
Email: mibaghdad@kln.gov.my

KEDUTAAN BESAR MALAYSIA DI AMMAN, JORDAN
Tel: +962 6590 2400 / +962 78590 2400 (Kecemasan)



MALAYSIA MADANI



0300018



0300018
UNTUK SIARAN BERTAMBAH

WISMA PUTRA

SIARAN AKHBAR

Email: mamman@kln.gov.my

KEDUTAAN BESAR MALAYSIA DI KUWAIT CITY, KUWAIT
Tel: +965 2255 0384 / +965 2255 0395 / +965 9678 3036 (Kecemasan)
Email: mkuwait@kln.gov.my

KEDUTAAN BESAR MALAYSIA DI DOHA, QATAR
Tel: +974 4483 6463 / +974 4483 6493 (Kecemasan)
Email: midoqa@kln.gov.my

KEDUTAAN BESAR MALAYSIA DI MANAMA, BAHRAIN
Tel: +973 1756 4551 / +973 3899 0749 (Kecemasan)
Email: mmanama@kln.gov.my

KEDUTAAN BESAR MALAYSIA DI ABU DHABI, UAE
Tel: +971 2 4482 775 / +971 2 4482 776
Email: mabudhabi@kln.gov.my

KONSULAT JENERAL MALAYSIA DI DUBAI, UAE
Tel: +971 4 3885 847 / +971 50 737 9186 (Kecemasan)
Email: dub_cons@kln.gov.my

Selain itu, orang awam juga boleh menghubungi Kementerian secara langsung melalui:

BILIK OPERASI, KEMENTERIAN LUAR NEGERI
Tel: +603-8887 4570
Email: duy@kln.gov.my

BAHAGIAN KONSULAR, KEMENTERIAN LUAR NEGERI
Tel: +603-8887 4587 / +603-8887 4769 / +603-8887 4264
Email: lkrmb@kln.gov.my

PUTRAJAYA
1 Mac 2026



MALAYSIA MADANI




0300018

Disediakan oleh Bahagian Asia Barat, Kementerian Luar Negeri Malaysia | SUUT

3

PERGERAKAN RAKYAT MALAYSIA



Nasihat Perjalanan

17 APRIL 2026:

- Nasihat perjalanan dikemaskini membenarkan perjalanan ke rantau tersebut
- Memohon rakyat Malaysia untuk:
 - Tingkatkan tahap kewaspadaan tinggi dan bersedia hadapi gangguan atau perubahan jadual
 - Daftar dan kemas kini maklumat perhubungan dengan Perwakilan Diplomatik Malaysia
 - Dapatkan maklumat terkini dan maklumkan keberadaan melalui aplikasi MyWorldAlert

Disediakan oleh Bahagian Asia Barat, Kementerian Luar Negeri Malaysia | SUUT

PERGERAKAN RAKYAT MALAYSIA | 17 APRIL 2026



SIARAN AKHBAR

NASIHAT PERJALANAN YANG DIKEMAS KINI BAGI KAWASAN KONFLIK DI ASIA BARAT

Kementerian Luar Negeri merujuk kepada nasihat perjalanan yang dikeluarkan pada 5 Mac 2026.

Pengumuman gencatan senjata selama dua minggu pada 8 April 2026 telah membawa kepada perkembangan positif secara berperingkat di rantau Asia Barat, termasuk pembukaan semula ruang udara dan operasi penerbangan secara terhad. Sehubungan ini, Kementerian ingin mengemas kini nasihat perjalanan kepada warganegara Malaysia yang melakukan perjalanan ke atau menetap di rantau tersebut, termasuk jemaah haji Malaysia, seperti berikut:

- agar sentiasa meringkaskan tahap kewaspadaan, mengelakkan kawasan aktiviti ketenteraan dan pertempuran awam, serta mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan;
- sentiasa mengambil maklum dan bersiap sedia untuk menghadapi sebarang gangguan penerbangan, kelonggaran, atau perubahan dalam urusan perjalanan;
- Bagi memutakhirkan pelayanar barisan konsular, warganegara Malaysia digesa untuk mendaftar keberadaan dan mengemaskini maklumat perhubungan mereka secara berkala menerusi portal e-Konsular di pautan <https://ekonsular.kln.gov.my>. Selain itu, warganegara Malaysia amat digalakkan untuk memuat turun aplikasi MyWorldAlert Kementerian bagi menerima maklumat terkini konsular setempat dan berhubung dengan Perwakilan Diplomatik Malaysia yang terdekat jika berlaku situasi kecemasan.

Kementerian ini akan terus memantau perkembangan di rantau tersebut, dan akan mengemas kini nasihat perjalanan ini dari semasa ke semasa mengikut keperluan. Keselamatan dan kesejahteraan warganegara Malaysia kekal menjadi keutamaan tertinggi Kementerian.

PUTRAJAYA
17 April 2026



Disediakan oleh Bahagian Asia Barat, Kementerian Luar Negeri Malaysia | SUUT

KEMENTERIAN LUAR NEGERI MALAYSIA

**SEKIAN,
TERIMA KASIH**

Slide pembentangan daripada Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri semasa Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 5 Tahun 2026





KEMENTERIAN
PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

**TAKLIMAT JAWATANKUASA PILIHAN
PERHUBUNGAN ANTARABANGSA DAN PERDAGANGAN
ANTARABANGSA PARLIMEN KELIMA BELAS BIL. 5 TAHUN 2026**

**KRISIS GEOPOLITIK ASIA BARAT
IMPAK KE ATAS PELABURAN DAN PERDAGANGAN NEGARA
SERTA LANGKAH MITIGASI**

6 MEI 2026 (RABU) I 10.00 PAGI




KEMENTERIAN
PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

OBJEKTIF

1. Membentangkan statistik terkini pelaburan dan perdagangan Malaysia – Iran dan Asia Barat
2. Menilai impak krisis geopolitik ke atas pelaburan dan perdagangan negara
3. Menggariskan langkah mitigasi untuk pelabur dan industri yang terkesan

  2

GAMBARAN KESELURUHAN PERDAGANGAN MALAYSIA



- Malaysia mengamalkan dasar luar yang inklusif dan berkecuali. Hubungan ekonomi yang terhad ini tidak melanggar mana-mana komitmen antarabangsa dan berada dalam kerangka undang-undang sedia ada.
- Pendekatan Malaysia adalah pragmatik dan berprinsip yang mana Malaysia mengekalkan hubungan ekonomi terhad dengan Iran tanpa menjejaskan pematuhan kepada sekatan antarabangsa dan kepentingan strategik negara.



Malaysia kekal berdaya tahan dalam ketidaktentuan ekonomi global...



Ini disokong oleh beberapa faktor:

1

Asas makroekonomi yang kukuh

3

Asas perindustrian yang bersifat pelbagai (*diversified*)

2

Kedudukan Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang neutral dan stabil

4

Kedudukan Malaysia sebagai negara pengeksport bersih (*net exporter*) gas asli cecair (LNG) dan keluaran petroleum



Situasi ini diperkukuhkan lagi melalui statistik prestasi perdagangan dan pelaburan....




PRESTASI PERDAGANGAN TERKINI ANTARA MALAYSIA DAN REPUBLIK ISLAM IRAN (IRAN)

PRESTASI PERDAGANGAN MALAYSIA – IRAN (2025)



Pada tahun 2025, Iran merupakan rakan dagang yang ke-59 terbesar bagi Malaysia, menyumbang hanya 0.1% kepada keseluruhan perdagangan negara. Barangan eksport utama adalah minyak sawit dan barangan berasaskan minyak sawit manakala barangan import utama pula adalah kimia dan bahan kimia.

	2025	
	RM Juta	Perubahan %
Jumlah Perdagangan	2,453.1	-5.7 ↓
Eksport	2,173.7	-11.0 ↓
Import	279.3	+75.7 ↑
Lebihan Dagangan	1,894.4	-17.0 ↓



TREND DAN KEPENTINGAN STRATEGIK



Analisis Perdagangan Malaysia–Iran: Navigasi Risiko dan Strategi Pasaran Global

LANDSKAP PERDAGANGAN MALAYSIA

RM3.06 Trillion
Jumlah Dagangan (2025)

EKONOMI TERBUKA
Malaysia mengukuhkan kedudukan dengan nilai dagangan yang tinggi pada tahun 2025

ASEAN, CHINA, AS, TAIWAN, EU
RAKAN DAGANG UTAMA

IRAN (Pasaran Niche)
Hubungan niche tertumpu khusus dalam sektor minyak sawit.

ANALISIS CABARAN & RISIKO

RISIKO TIDAK LANGSUNG YANG TINGGI
Sekatan antarabangsa menjejaskan saluran pembayaran dan reputasi syarikat.

KEKANGAN LOGISTIK & KOS
Kos penghantaran dan insurans yang lebih tinggi akibat sekatan akses pasaran dan ketidakpastian geopolitik.

KETIDAKPASTIAN POLITIK
Ketidakstabilan ekonomi domestik Iran menjejaskan prospek pertumbuhan dagangan jangka masa panjang.

PELUANG PASARAN DI ASIA BARAT & OIC

PASARAN GCC YANG LEBIH STABIL
Negara seperti Arab Saudi, UAE, dan Qatar menawarkan pasaran yang lebih besar, terbuka, dan kurang berisiko.

PLATFORM OIC & PRODUK HALAL
Memanfaatkan kerjasama Islam untuk memperluas eksport produk Halal, barangan E&E dan perkhidmatan.

DIVERSIFIKASI PRODUK EKSPORT
Mempelbagaikan barangan eksport yang bernilai tinggi serta perkhidmatan ke pasaran Asia Barat selain daripada minyak sawit.

STATISTIK PELABURAN TERKINI MALAYSIA DAN IRAN

PELABURAN DARI NEGARA IRAN YANG TELAH DILAKSANAKAN DALAM SEKTOR PERKILANGAN

PELABURAN DILAKSANAKAN DALAM SEKTOR PERKILANGAN	
Projek Perkilangan	12
Jumlah Pelaburan	RM149.8 juta (AS\$43.4 juta)
Peluang Pekerjaan	568

PELABURAN DARI NEGARA IRAN YANG DILULUSKAN DALAM SEKTOR PERKHIDMATAN DI BAWAH SELIAAN MIDA



PELABURAN DILULUSKAN DALAM SEKTOR PERKHIDMATAN DI BAWAH SELIAAN MIDA	
Projek Perkhidmatan	59
Jumlah Pelaburan	RM16.69 juta
Potensi Peluang Pekerjaan	216

Berdasarkan data 1990 – Disember 2025

11

IMPAK KRISIS GEOPOLITIK DI ASIA BARAT TERHADAP PELABURAN DAN PERDAGANGAN NEGARA



IMPAK KEPADA MALAYSIA SECARA UMUM



Tenaga & Kos

- Kenaikan harga minyak → inflasi import
- Malaysia sebagai pengeksport tenaga mempunyai penampungan (*buffer*) terhadap kejutan harga



Kewangan & Pelaburan

- Ketidaktentuan (*volatility*) mata wang
- Risiko sekatan sekunder (*secondary sanctions*)



Perdagangan & Eksport

- Gangguan rantaian bekalan global
- Permintaan eksport tidak menentu

Ini disokong oleh hasil dapatan sesi libat urus MITI bersama industri...

IMPAK KONFLIK PEPERANGAN DI ASIA BARAT TERHADAP INDUSTRI



LANGKAH MITIGASI BAGI MEMBANTU PELABUR DAN PENGEKSPORT YANG TERKESAN

Beberapa pendekatan dan strategi utama yang telah dan sedang dilaksanakan sebagai mitigasi kepada pelabur dan industri yang terkesan...

01

Strategi Kedudukan Malaysia

- Hab Pelaburan Global yang berdaya tahan
- Menonjolkan neutraliti geopolitik dan kestabilan negara
- Memacu Pelaburan berasaskan daya tahan dan kelestarian
- Hab ASEAN bagi Strategi 'China + 1' dan 'Near-Shoring'

02

Mempromosi Sektor-sektor Bernilai Tinggi

- Sektor-sektor Utama di bawah Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP 2030)
- Sektor-sektor Sasaran selaras dengan Dasar Nasional Lain

03

Memperkuh Rantaian Bekalan

- Menyasarkan syarikat peneraju (*anchor*) di kalangan syarikat multinasional (MNCs) mahupun konglomerat tempatan untuk memperkuh rantaian bekalan negara
- Menjalankan program rantaian bekalan dan pembangunan vendor bagi memadankan syarikat peneraju (*anchor*) kepada syarikat tempatan.
- Memudah cara kerjasama strategik antara syarikat global dan syarikat tempatan.

04

Memperkuh Fasilitasi Pelaburan

- Penyelarasan antara kementerian, agensi kerajaan, kerajaan negeri dan pihak industri melalui platform fasilitasi berpusat
- Sokongan praktikal
- Memastikan minat pelaburan dapat diterjemahkan kepada projek sebenar
- Sokongan kepada PKS

KEMENTERIAN
PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

The infographic consists of five numbered steps, each with a corresponding icon and a list of actions:

- 1. Mempertahankan dan Memperluas Pasaran Ekspor**
 - Menembusi pasaran baharu di Afrika, Asia Tengah dan Amerika Selatan
 - Penganjuran program promosi eksport yang lebih agresif di kalangan negara-negara anggota ASEAN.
- 2. Memanfaatkan FTA Sedia Ada**
 - Memperkasakan aktiviti promosi eksport ke pasaran FTA.
- 3. Digitalisasi Eksport**
 - Memperkukuh eBizLink 2.0 dan MADANI Digital Trade Platform.
- 4. Peluang eksport dari konflik Asia Barat**
 - Menyalurkan laporan risikan pasaran (*market insights report*) melalui pejabat perdagangan MATRADE di luar negara.
- 5. Memperkukuh Kerjasama Sektor Awam & Swasta**
 - Pendekatan menyeluruh kerajaan melalui platform Jawatankuasa Koordinasi Eksport (JK-X) bagi memupuk kerjasama antara kementerian & agensi serta pihak swasta.



KEMENTERIAN
PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

PEMACU POTENSI GLOBAL

TERIMA KASIH



www.miti.gov.my



PARLIMEN MALAYSIA



PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN PERHUBUNGAN ANTARABANGSA DAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA

DR. 19 TAHUN 2026
LAPORAN PROSIDING

LAMPIRAN

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN PERHUBUNGAN
ANTARABANGSA DAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA**

DR. 19 TAHUN 2026 – KONFLIK ASIA BARAT

NO.	LAPORAN PROSIDING	TARIKH
1.	MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN PERHUBUNGAN ANTARABANGSA DAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA BIL. 5 TAHUN 2026	6 MEI 2026



MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

LAPORAN PROSIDING

**JAWATANKUASA PILIHAN
PERHUBUNGAN ANTARABANGSA DAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA**

TAKLIMAT DARIPADA:

- 1) KEMENTERIAN LUAR NEGERI MENGENAI
PERKARA-PERKARA BERIKUT:**
 - (i) MAKLUMAT TERKINI PENDIRIAN MALAYSIA
TERHADAP KRISIS GEOPOLITIK IRAN DAN
TIMUR TENGAH; DAN**
 - (ii) PERGERAKAN RAKYAT MALAYSIA KE LUAR
NEGARA.**
- 2) KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN
DAN INDUSTRI MENGENAI PERKARA-PERKARA
BERIKUT:**
 - (i) STATISTIK PELABURAN IMPORT DAN
EKSPORT TERKINI MALAYSIA DAN IRAN;**
 - (ii) IMPAK PELABURAN DAN PERDAGANGAN
MALAYSIA TERHADAP KRISIS GEOPOLITIK
IRAN DAN TIMUR TENGAH; DAN**
 - (iii) LANGKAH MITIGASI BAGI PELABUR
MALAYSIA.**

BIL. 5

RABU, 6 MEI 2026

PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KELIMA BELAS

**MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN
PERHUBUNGAN ANTARABANGSA DAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA
BIL. 5 TAHUN 2026**

**BILIK JAWATANKUASA 2, ARAS 2, BLOK UTAMA,
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA**

RABU, 6 MEI 2026

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Tuan Wong Chen [Subang] — *Pengerusi*
YB. Datuk Willie anak Mongin [Puncak Borneo]
YB. Tuan Chong Zhemmin [Kampar]
YB. Tuan Lee Chuan How [Ipoh Timor]
YB. Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan [Sri Gading]
YB. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]
YB. Puan Syerleena binti Abdul Rashid [Bukit Bendera]
YB. Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau]

Tidak Hadir [Dengan Maaf]

YB. Datuk Andi Muhammad Suryady bin Bandy [Kalabakan]
YB. Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang]
YB. Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Haji Abdullah [Langkawi]
YB. Tuan Haji Muhammad Ismi bin Mat Taib [Parit]

URUS SETIA

Cik Nurul Fadhilah binti Ibharim [Pegawai Arkib, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]
Encik Mohd Faizal bin Lan [Pegawai Arkib, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]
Encik Aiman Haikal bin Abdul Rahman [Pegawai Arkib, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]
Encik Augustine Leonard Anak Jen [Pegawai Penyelidik, Seksyen Parlimen, Antarabangsa dan Keselamatan (Bahagian Penyelidikan dan Perpustakaan), Parlimen Malaysia]
Puan Nur Hafirah binti Kamarudin [Pegawai Penyelidik, Seksyen Ekonomi dan Perdagangan (Bahagian Penyelidikan dan Perpustakaan), Parlimen Malaysia]

Ex Officio

YBrs. Tuan Syahril Syazli Ghazali [Pengarah Kanan (Bahagian Perancangan Strategik), Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri]
YBrs. Tuan Shamsul Nizam Shamsuddin [Timbalan Ketua Pengarah (Bahagian Penyelarasan dan Pemantauan Pelaksanaan), Jabatan Perancangan Dasar dan Penyelarasan, Kementerian Luar Negeri]
YBrs. Tuan Moktar Idham Musa [Pengarah (Bahagian Kerjasama Antarabangsa), Kementerian Ekonomi]

HADIR BERSAMA

Kementerian Ekonomi

Puan Hasliana binti Kamarudin [Timbalan Pengarah (Bahagian Industri Pembuatan, Sains dan Teknologi)]

Cik Salizan binti Abdul Aziz [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Industri Pembuatan, Sains dan Teknologi)]

Kementerian Luar Negeri

YBhg. Dato' Ahmad Rozian bin Abd. Ghani [Timbalan Ketua Setiausaha (Hubungan Dua Hala)]

YBhg. Dato' Wan Aznainizam Yusri bin Wan Abdul Rashid [Setiausaha Bahagian (Bahagian Asia Barat)]

Encik Naim Majdi bin Sulaiman [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Asia Barat)]

Encik Mohd Fadzle bin Abu Hasan [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Konsular, Seksyen Operasi)]

Puan Kaiyiesa Muhammad Syakir [Penolong Setiausaha (Bahagian Asia Barat)]

Cik Asaeelawati binti Yusof [Penolong Pengarah (Urus Setia Penyelaras Parlimen (UPP))]

Cik Ummu Tasnim Mohd Zainun Zaman [Urus Setia Penyelaras Parlimen (UPP)]

Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI)

YBhg. Datuk Bahria binti Mohd Tamil [Timbalan Ketua Setiausaha (Pelaburan dan Pengurusan)]

YBrs. Tuan Mohd Rafizal Rahim [Pengarah Pelaburan (Bahagian Dasar Pelaburan dan Fasilitasi Perdagangan)]

YBrs. Dr. Rozilee Asid [Pegawai Penyelidik (Bahagian Perancangan Strategik)]

Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)

Encik Encik Nelson Samuel [Pengarah Eksekutif Advokasi Polisi Pelaburan (Perkilangan)]

Puan Norhaliza Mohammed Noordin [Timbalan Pengarah Kanan (Bahagian Perancangan Strategik dan Advokasi Polisi (Perkilangan))]

Cik Farah Najeeha Arham [Penolong Pengarah Kanan (Bahagian Perancangan Strategik dan Advokasi Polisi (Perkilangan))]

Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)

Puan Noor Hayati Abu Noh [Pengarah (Bahagian Perancangan Strategik)]

Puan Nazirah Zah [Pengurus Kanan (Unit Analisis Perdagangan)]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN PERHUBUNGAN ANTARABANGSA DAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA BIL. 5 TAHUN 2026

**BILIK JAWATANKUASA 2, BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA**

RABU, 6 MEI 2026

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.01 pagi

*[Yang Berhormat Tuan Wong Chen **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Pengerusi: Okey, selamat pagi semua. *Thank you so much for coming for this special briefing on the Iran War. I have to read out the basic things that we have to refer to. Later I'll ask each of you to introduce yourselves and our side will introduce ourselves. But* Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, agenda utama kita pada hari ini ialah taklimat terkini berhubung dengan konflik Asia Barat terutama daripada sudut dasar hubungan luar serta pelaburan dan perdagangan antarabangsa yang secara langsung atau tidak langsung terkesan dengan situasi geopolitik ini.

Saya ingin mengingatkan ahli-ahli mesyuarat bahawa mesyuarat ini tertakluk di bawah Peraturan Mesyuarat 85, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dan Akta Majlis Parlimen 1952 di mana sebarang kenyataan atau dokumen yang dibentangkan di hadapan jawatankuasa ini tidak boleh disiarkan sehingga jawatankuasa membentangnya penyata di Dewan Rakyat. Maknanya, Junlah, paling awal pun Jun 22. Saya juga ingin mengingatkan ahli-ahli mesyuarat bahawa jika sesuatu dokumen atau maklumat yang dikemukakan kepada jawatankuasa dikelaskan sebagai rahsia atau bersifat sensitif, tuan-tuan, puan-puan perlu memaklumkan kepada jawatankuasa.

Tanpa melengahkan masa, saya teruskan dengan agenda utama kita dan kita mulakan dengan wakil-wakil yang hadir pada pagi ini untuk membuat *introduction*-lah. Saya lihat Datuk Bahria keluar sekejap. *So, I don't know the ranking system. Should be Dato' Rozian, right? Ya, thank you.*

Dato' Ahmad Rozian bin Abd. Ghani [Timbalan Ketua Setiausaha Hubungan Dua Hala, Kementerian Luar Negeri]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat pagi. Saya mulakan dengan pengenalan kami dari Kementerian Luar Negeri, saya Ahmad Rozian Abd. Ghani, Timbalan Ketua Setiausaha Hubungan Dua Hala. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Dato' Wan.

Dato' Wan Aznainizam Yusri bin Wan Abdul Rashid [Setiausaha Bahagian (Bahagian Asia Barat) Kementerian Luar Negeri]: *Assalamualaikum*, salam sejahtera, selamat pagi. Saya Wan Yusri, Setiausaha Bahagian Asia Barat, Kementerian Luar Negeri. Terima kasih.

Encik Naim Majdi Sulaiman [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Asia Barat) Kementerian Luar Negeri]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat pagi. Saya Naim Majdi bin Sulaiman, Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Asia Barat, Kementerian Luar Negeri. Terima kasih.

Encik Shamsul Nizam Shamsuddin [Timbalan Ketua Pengarah (Bahagian Penyelarasan dan Pemantauan Pelaksanaan) Jabatan Perancangan Dasar dan Penyelarasan, Kementerian Luar Negeri]: *Assalamualaikum*, salam sejahtera. Saya Shamsul Nizam Shamsuddin daripada Jabatan Dasar, Kementerian Luar Negeri.

Encik Mohd Fadzle Abu Hasan [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Konsular) Kementerian Luar Negeri]: *Assalamualaikum* dan selamat pagi. Saya Mohd Fadzle daripada Bahagian Konsular, Kementerian Luar Negeri.

Tuan Moktar Idham bin Musa [Pengarah (Bahagian Kerjasama Antarabangsa) Kementerian Ekonomi]: *Assalamualaikum* dan selamat pagi Yang Berhormat Pengerusi. Nama saya Moktar Idham Musa dari Bahagian Kerjasama Antarabangsa, Kementerian Ekonomi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Datuk Bahria.

Datuk Bahria binti Mohd Tamil [Timbalan Ketua Setiausaha Pelaburan dan Pengurusan, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI)]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Sorry.*

Tuan Pengerusi: *No, no. It's okay.* Datuk Bahria.

Datuk Bahria binti Mohd Tamil: YB Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Yang Berhormat ahli-ahli jawatankuasa, *colleagues* dan juga yang lain-lain. Saya Bahria Mohd Tamil, *Deputy Sec Gen in charge of Investment and Management for MITI.*

Tuan Mohd Rafizal Rahim [Pengarah Pelaburan (Bahagian Dasar Pelaburan dan Fasilitasi Perdagangan) Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI)]: *Assalamualaikum, good morning. I'm Rafizal, Director in charge on Investment, Policy and Trade Facilitation Section of MITI.*

Tuan Syahril Syazli Ghazali [Pengarah Kanan (Bahagian Perancangan Strategik) Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI)]:

Assalamualaikum, selamat pagi. Saya Syahril Syazli Ghazali, Bahagian Perancangan Strategik MITI *also ex officio for this committee*. Thank you.

Puan Noor Hayati Abu Noh [Pengarah (Bahagian Perancangan Strategik) Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)]: *Assalamualaikum, good morning*. YB Pengerusi, saya Noor Hayati, Pengarah Bahagian Perancangan Strategik dari MATRADE.

Encik Nelson Samuel [Pengarah Eksekutif Advokasi Polisi Pelaburan (Perkilangan) Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)]: Selamat pagi, selamat sejahtera, *very good morning* YB Pengerusi. *I'm Nelson, I'm* Pengarah Eksekutif, Bahagian Perancangan Strategik, Sektor Perkilangan, MIDA. Daripada MIDA.

Tuan Pengerusi: *So, who's from the economy side? One person? At the back? Okay. Okay. Okey*, YB Huda kita mula daripada *your side*.

Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan [Sri Gading]: *Assalamualaikum* dan salam sejahtera. Salam Malaysia MADANI. Saya Aminolhuda Hassan, Ahli Parlimen Sri Gading. Terima kasih.

Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau]: Salam sejahtera. Saya Muhammad Bakhtiar Wan Chik, Ahli Parlimen Balik Pulau.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Saya Ku Abd Rahman, Ahli Parlimen Kubang Pasu dan ahli jawatankuasa. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Selamat pagi. Saya Wong Chen, Ahli Parlimen Subang. Terima kasih.

Datuk Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Selamat pagi dan salam sejahtera. Saya Willie Mongin, Timbalan kepada Wong Chen, Ahli Parlimen Puncak Borneo.

Tuan Lee Chuan How [Ipoh Timur]: Salam sejahtera. *I would be* Ipoh Timur, FOM kepada dua-dua kementerian.

Puan Syerleena binti Abdul Rashid [Bukit Bendera]: *Assalamualaikum*, salam sejahtera. Saya Syerleena Abdul Rashid, Ahli Parlimen Bukit Bendera dan juga ahli jawatankuasa.

Tuan Pengerusi: Okey. Kita mula. *I suppose it's Foreign Affairs first right? Ya, so you have a briefing. Please Dato'.*

Dato' Ahmad Rozian bin Abd. Ghani: Terima kasih sekali lagi kepada YB Tuan Wong Chen dan juga kepada semua Ahli Yang Berhormat-Yang Berhormat atas undangan kepada kami untuk memberikan taklimat pada pagi ini. *Our* taklimat

is going to be very brief actually. Ya lah, sebabkan seperti mana yang kita tahu situasi Asia Barat ini masih berterusan dan semakin tegang walaupun pada masa ini ada gencatan senjata. Suasana tegang ini susulan pelancaran Operasi *Epic Fury* oleh Amerika yang *now* dah dipanggil sebagai *Operation Freedom* oleh Amerika dan Operasi *Roaring Lion* Israel *and* bermula pada 28 Februari 2026.

Dari segi intensiti, kita lihat pertempuran amat tinggi semasa fasa – sebelum fasa gencatan senjata pada 8 April. Pihak Amerika Syarikat dan Israel direkodkan telah melancarkan sebanyak hampir 27,000 serangan udara dan peluru berpandu ke atas Iran. Sebagai tindak balas, Iran juga telah melancarkan Operasi *True Promise-4* dan bilangan serangan melebihi 12,000 menyasarkan kepentingan ketenteraan ekonomi seluruh anggota Majlis Kerjasama Teluk (GCC) termasuk pangkalan-pangkalan strategik Amerika Syarikat di rantau berkenaan.

Jadi, setakat 4 Mei 2026, konflik telah mengakibatkan kehilangan nyawa yang besar dan jumlah kematian hampir 7,000.

Tuan Pengerusi: *It's okay. Those are my interns. They're leaving.*

Dato' Ahmad Rozian bin Abd. Ghani: Okey.

Tuan Pengerusi: *They don't realise that the meeting is a...*

Dato' Ahmad Rozian bin Abd. Ghani: Ya.

Tuan Pengerusi: Okey. *So, yeah. Please continue.*

Dato' Ahmad Rozian bin Abd. Ghani: *Then*, seterusnya slaid kedua situasi terkini. Berikutan kegagalan rundingan di Islamabad pada 12 April, pihak Iran telah mengemukakan satu pelan cadangan yang mengandungi 14 perkara kepada Amerika Syarikat pada 2 Mei. Difahamkan *because we don't have access to these documents*, tapi antara lain pelan ini dirancang bagi mencapai gencatan senjata kekal dan menamatkan konflik di semua medan operasi termasuk meredakan ketegangan yang sedang berlaku di Lubnan.

Walaupun perincian penuh tidak didedahkan, antara lain kita difahamkan syarat-syarat yang diletakkan oleh Iran adalah satu penghentian penuh serangan dan campur tangan Amerika Syarikat di kawasan berhampiran wilayah Iran. Kemudian pengunduran pasukan tentera Amerika Syarikat dari kawasan strategik yang berdekatan dengan sempadan Iran, penamatan sekatan maritim dan pembukaan semula kawasan strategik seperti Selat Hormuz dan pemansuhan semua sekatan ekonomi terhadap Iran termasuk pembebasan aset-aset yang dibekukan sebagai sebahagian daripada proses tersebut. Difahamkan Amerika Syarikat masih mengkaji pelan cadangan ini.

Tapi kita pun pada masa yang sama faham yang Presiden Trump tak bersetuju ya, sebab mereka cakap dia tetap bertegas bahawa sebarang persetujuan akhir mestilah menjamin keselamatan nuklear. Pemansuhan sekatan ekonomi secara penuh akan dikaitkan dengan jaminan panjang tersebut sebelum dilaksanakan secara berperingkat.

Dari segi pendirian Malaysia susulan daripada konflik tersebut, kita telah secara konsisten mengeluarkan kenyataan rasmi bagi mengecam sebarang bentuk serangan ketenteraan sama ada serangan oleh pihak Amerika Syarikat dan Israel ke atas Iran mahupun serangan balas yang melibatkan wilayah negara-negara Majlis Kerjasama Teluk. Kecaman ini berpaksikan kepada prinsip asas dasar luar negara yang menolak sebarang bentuk pencerobohan dan penggunaan kekerasan yang melanggar integriti wilayah sesebuah negara berdaulat. Kerajaan Malaysia menegaskan bahawa penyelesaian konflik hendaklah dicapai melalui jalan damai, diplomasi dan penghormatan terhadap undang-undang antarabangsa.

Selain daripada kenyataan rasmi, YAB Perdana Menteri dan juga YB Menteri Dalam Negeri turut menyatakan pendirian Malaysia secara lantang menerusi pelbagai platform termasuk dalam perbincangan bersama rakan sejawat di peringkat antarabangsa serta saluran media sosial masing-masing.

Sebagai bukti komitmen aktif kita, YAB Perdana Menteri telah mengadakan perhubungan telefon secara langsung dengan Presiden Iran pada 26 Mac 2026 manakala YB Menteri Luar Negeri berhubung dengan rakan sejawat beliau pada 24 Mac 2026. Dalam sesi perbualan tersebut, Malaysia memberikan penegasan khusus terhadap; satu, kepentingan menjamin keselamatan laluan maritim di Selat Hormuz selaras dengan undang-undang antarabangsa. Kedua, sokongan penuh Malaysia terhadap sebarang inisiatif yang bertujuan menghentikan pertumpahan darah dan menamatkan konflik ini dengan segera.

Pada 8 April juga Malaysia telah mengeluarkan kenyataan rasmi dan mengalu-alukan perjanjian gencatan senjata antara Amerika Syarikat dan Iran. Dalam hal ini, Malaysia menggesa semua pihak agar menahan diri sepenuhnya bagi mengelakkan ketegangan serta memastikan penduduk awam serta infrastruktur negara jiran terutamanya di negara-negara teluk tidak terus diheret di dalam konflik ini.

Slaid terakhir adalah mengenai kita punya pergerakan rakyat Malaysia di luar negara. Dari segi pergerakan rakyat Malaysia ke luar negara, kita telah mengeluarkan nasihat perjalanan. Pertama sekali pada 1 Mac 2026 dan kemudian pada 5 Mac 2026. Melalui nasihat perjalanan pada 5 Mac, KLN telah mengaktifkan

pelan evakuasi bagi membantu rakyat yang terkandas akibat gangguan ruang udara. Usaha ini melibatkan kolaborasi erat dengan pihak berkuasa tempatan dan syarikat penerbangan bagi memastikan proses penghantaran pulang berjalan lancar. *We had undertaken one evacuation. But subsequently, that the decision was to stop evacuation-lah. Then...*

Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Ahmad Rozian bin Abd. Ghani: Ya. Oh, *no. [Ketawa]* Oh, okay, *I see. Just time dia.*

And then susulan gencatan senjata, pada 8 April kita telah mengemas kini nasihat perjalanan kita pada 17 April yang membenarkan perjalanan ke rantau tersebut kecuali ke zon berisiko tinggi yang dikenal pasti. Nasihat tersebut menegaskan agar rakyat Malaysia meningkatkan kewaspadaan, mematuhi arahan pihak berkuasa tempatan di zon sensitif serta bersedia menghadapi sebarang perubahan logistik secara mendadak. Ha, itulah dapat kami kongsi pada masa ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Dato' Rozian. *Okay, now we are going to open up for question-and-answer time. I will start first, the basic one-lah, okay.*

How many more Malaysians are in Iran at the moment? Are we tracking them? Do they need to be evacuated or they choose to stay behind?

Dato' Ahmad Rozian bin Abd. Ghani: Ada 14 ya. *14 Malaysians still in Iran. We are in touch with them and all have chosen to stay on. So, kita sentiasa menasihatkan supaya mereka berhubung dengan kitalah. Pada masa ini, kita punya operasi kedutaan ditutup buat sementara. Our ambassador is here for consultation. So, kalau ada urusan konsuler, kita minta bantuan dari malawakil Ashgabat yang terdekat untuk membantu. But we have been in contact with the 14.*

Tuan Pengerusi: *Any reason why they are stay behind? Married there or something?*

Dato' Ahmad Rozian bin Abd. Ghani: *Married ya? [Bertanya kepada Dato' Wan Aznainizam] They have families there. Married to Iranians.*

Tuan Pengerusi: Okey. *Let's open up. YB Willie?*

Datuk Willie anak Mongin: Okey. Terima kasih Pengerusi. Saya nak tanyalah. Baru-baru ni kita di dalam media sosial, kita melihat ada Sumud Flotilla (SF 2.0) *was accuse of bringing in weapons. So, basically, there is no official announcement from our country whether this is true or not because otherwise this*

jeopardizes the image of our country. So perhaps you can enlighten us about the legit — what do you call it — whether this thing is true or otherwise? Thank you.

Dato' Wan Aznainizam Yusri bin Wan Abdul Rashid: Terima kasih atas soalan YB Datuk Willie. Berhubung dengan Global Sumud Flotilla (GSF 2.0), kita — kerajaan telah pun ataupun Kementerian Luar Negeri telah pun mengeluarkan kenyataan rasmi susulan penahanan kapal-kapal oleh rejim Zionis Israel pada — tak silap saya pada 29 April lalu.

Dalam kenyataan rasmi kita, kita telah pun menegaskan bahawa misi tersebut adalah bertujuan untuk menghantar bekalan perubatan dan makanan bagi membantu rakyat ataupun saudara-saudara kita di Gaza khususnya. Jadi dalam hal itu, tidak ada keperluan untuk menyatakan bahawa kapal-kapal tersebut tidak membawa sebarang senjata kerana telah pun kita keluarkan kenyataan bahawa misi utama GSF 2.0 ini adalah untuk misi kemanusiaan.

Dan kenyataan yang dikeluarkan oleh Kementerian Luar Negeri juga telah — YB Menteri Luar juga telah *join* kenyataan bersama dengan Menteri Turkiye serta beberapa negara lain yang menegaskan bahawa misi tersebut adalah misi kemanusiaan dan tidak ada kena mengena dengan sebarang misi untuk membawa senjata. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: *If there is any weapon, it will be like a knife, cooking knife [Ketawa] or something lah or personal safety right? I mean bayonet tak ada lah. Let's try to keep the —* Oh ya, Bakhtiar.

Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: *Okay. I think we are in Iran — US war. So, maybe later we can talk about the...*

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Other issues.*

Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: *...Sumud Flotilla because I was in Brussels for the Parliamentary Congress, you know. So. jadi saya nak bertanya tentang travel advisory sebab saya tak nampak — It is to all Malaysian travelling to GCC sebab kita ada jemaah haji yang ramai dan baru-baru ini terkandas di Oman — I think one of the ada technical issue on the claims.*

Jadi sebab — *and then we also didn't stop all these Gulf punya Emirates, Etihad, Qatar to fly to Malaysia and you know they seems to be now – and I was in Dubai for transit and then hotel are slashing the price to [Ketawa] promote the UAE punya tourism. So, what are the travel advisory to Malaysian because a lot of most of the major carriers are from the Gulf states?*

Dato' Ahmad Rozian bin Abd. Ghani: YB Dato'; satu, susulan daripada konflik pada 28 Februari, *the next day on the 1st of Mac, we issued one travel advisory already. Advising Malaysians to* untuk tidak meneruskan perjalanan lah ke negara-negara terlibat kerana ada gangguan *air space* ditutup dan sebagainya. Ada sesetengah *airlines* pun tidak meneruskan operasi masing-masing.

Pada 5 Mac, kita telah sekali lagi mengeluarkan nasihat perjalanan kepada negara di kawasan-kawasan konflik di Timur Tengah dan notis evakuasi. *That was the second travel advisory that we issued. Again, we advised Malaysian yang stranded* untuk berdaftar dengan kita punya kedutaan.

■1020

Alhamdulillah, we are — we have mission in all the GCC countries in that sense it's help in being able to run the assistance and also to locate them when there are. So, kita punya mission, setiap hari memberikan laporan berapa ramai rakyat kita yang terkesan dan memberi bantuan kepada mereka yang untuk pulanglah. Contohnya macam YB mentioned tadi, ada some umrah punya pilgrims got stranded. But eventually we're able to bring them back. We work closely with airlines, Malaysia Airlines dengan agencies yang terlibat, so we were able to bring them all back.

Now, lanjutan kepada gencatan senjata dan juga ya lah, in the first place Arab Saudi tak pernah menutup dia punya airspace. So, there is no issue of siapa yang nak — can we — we don't put a banned to people traveling untuk mengerjakan umrah dan hajilah pada masa itu. Cuma kita nasihatkan kalau boleh ditangguhkan, tangguhkan dan itu nasihat kita pada 5 Mac. Berikutan daripada gencatan senjata pada April baru ini, kita telah mengeluarkan satu nasihat terkini seperti mana yang terpapar di situ kan. Meningkatkan tahap kewaspadaan. So, maknanya dan mengikuti apalah, mengambil maklum, bersiap sedia untuk menghadapi sebarang gangguan penerbangan dan semuanya.

This one, Kabinet sendiri telah bermesyuarat mengenai because of hajj season, kan dan bersetuju untuk kita membenarkan jemaah untuk meneruskan. Jadi nasihat kita adalah untuk terus berwaspada dan we work closely with Saudi Embassy-lah.

Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Soalan susulan sebab saya mengikuti wawancara dengan Profesor Mamdani di *University of Tehran*. Dia menyatakan bahawa tentera-tentera Amerika Syarikat sedang berada di negara-negara Teluk termasuklah ramai sekali di UAE dan kita pun dapat lihat Iran melancarkan serangan ke beberapa *base* di UAE *and* saya rasa peringkat — dia kata *there will be imminent attack from the US to Iran. So, I think in particular from the US*

base in all these Gulf states seperti Bahrain, Kuwait, UAE, especially. Jadi, macam mana itu?

Saya rasa sebab I think, bagi sayalah, I think even though there are ceasefire, but the imminent attack by the US and the Iran preparing for all the attacks termasuk serangan balas balik baru ini, I think the travel advisory need to be issue because saya risau sebab nampak macam — I was in Dubai Airport and there seems to be like a business as usual. Even though from Brussel to Dubai, I took 777, there are only 50 passengers out of 300. I mean the cabin crew has been saying that, “Oh we have less passengers now”. Tapi nampak Malaysian, I can see Malaysian still travelling, ramai travel ke Europe and all that this time. So, transit in Dubai sebagainya. So, saya tak sure whether we should issue travel advisory again sebab because the Iran seems to be targeting UAE now.

Tuan Lee Chuan How: *Can I just add on to that on the same thing actually. I think what we see right now is preemptive positioning from the US in terms of the military assets, the movement of the military assets, ships sail again in one particular direction. I think we need to expand the view or the quite line of questioning in the — do we have a clear picture of what, how many and in what direction US military assets are being positions? And on the same vein, do we have a picture of what Chinese military assets are being positions and mobilize and in what directions?*

And of course, with any other US allies or Chinese allies in that — in the same vein of the same question because you know with that picture, we will be able to wargame a scenario of what’s happening so that we can better prepare ourselves whether ada kena mengena dengan travel advisory kah, kita punya keselamatan di Selat Melaka kah because the reason why I bring in Selat Melaka is there’s been sudden update in sponsored content from US whether it’s the US government or by US players in raising [Tidak jelas] on the other [Tidak jelas] called which is Selat Melaka. Sponsored, very clear uptake in content with regards to that in social media, both in X, in Instagram and to a certain extent, not so much also in Facebook.

So, there are some cause of concerns that, so do we have that picture, do we have intel or do we have any other mechanisms to better inform us as to the military asset movement and preemptive positioning that is currently happening right now.

Dato’ Ahmad Rozian bin Abd. Ghani: *Now, in terms of travel advisory as mentioned earlier and also has started di dalam kita punya the latest 17 of April, kita akan sentiasa memantau keadaan di sana dan mendapatkan maklumatlah. We are being fed on the daily basis by our missions abroad on what’s going on, on the*

ground. Macam attack yang YB mentioned tadi, attack by Iran, interest of the US and most attacks are against UAE, kan because they have the inilah.

So, we take note of the suggestion for us to update but we have to continue to monitor because we don't want to cause unnecessary panic among Malaysian as well because as you are fully aware, there are already jemaah kita dah masuk ke Saudi sekarang ini, kan. So, we continue to monitor this- lah. If there is a need for us to issue, then we will do so. In terms of...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail: YB Pengerusi, sebelum ini kapal-kapal dagangan Malaysia terutamanya kapal Petronas yang bawa minyak diberikan kebenaran untuk lalu Selat Hormuz. Apa kedudukan masa kini kerana sudah berlaku pelbagai tembak menembak antara *both side*? Adakah itu memberikan kesan kepada kapal-kapal dagangan Malaysia untuk membawa minyak ke kawasan kita ini? Terima kasih.

Tuan Pengerusi: *Before you answer YB Ku Rahman, let's continue that one and for-time management, we will ask Datuk Bahria to present her paper around 10.35 ya, okey? So, you get about another seven minutes also to answer. We do want to understand the likelihood of an American envision which is very remote-lah in my opinion. But let us know what you're thinking about. Thank you.*

Dato' Wan Aznainizam Yusri bin Wan Abdul Rashid: Terima kasih YB Pengerusi. Kalau saya boleh menambah apa yang telah dikongsi oleh Dato' Rozian sebentar tadi. Dari segi data-data ataupun maklumat yang kita terima berhubung dengan kedudukan tentera-tentera di *Gulf*, kita sentiasa mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak agensi perisikan kita termasuk pihak JPM penyelidikan, MDIO serta Cawangan Khas PDRM sebelum kita membincangkan sama ada terdapat keperluan untuk mengeluarkan ataupun meneliti semula nasihat-nasihat perjalanan yang telah dikeluarkan ataupun yang akan kita keluarkan.

Dalam hal ini, sebagaimana yang YB Pengerusi maklumkan tadi adalah pada pandangan pihak-pihak kita, MDIO, RD, juga bahagian Asia Barat adalah agak tipis buat masa ini berhubung dengan serangan darat oleh pihak Amerika Syarikat. Belum ada tanda-tanda yang serangan darat akan berlangsung walaupun pihak Iran ada berkongsi dengan kita baru-baru ini bahawa terdapat maklumat bahawa tentera UAE telah digunakan untuk melancarkan serangan darat ke atas salah satu pulau di wilayah Iran.

■1030

Namun, dari segi maklumat-maklumat yang kita terima buat masa ini, keadaan masih tegang tetapi tidak terdapat keperluan untuk kita mengeluarkan

sebarang nasihat perjalanan yang mungkin akan menambahkan lagi kerisauan rakyat Malaysia terutamanya yang menetap di negara-negara yang terlibat.

Satu lagi isu yang kita akan lihat ialah hubungan kita dengan negara-negara di rantau berkenaan. Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Dato' TKSU Hubungan Dua Hala tadi, tiada negara-negara *Gulf* yang telah pun mengeluarkan amaran ataupun *emergency advisory*, sungguhpun serangan telah berlangsung sepanjang tempoh tiga minggu sebelum gencatan senjata berlangsung.

Jadi, atas dasar itu adalah agak sukar sekiranya kita hendak *balance*-kan *our relations* dengan negara-negara Teluk. Adalah sukar sekiranya kita sendiri mengeluarkan satu kenyataan yang melebihi daripada kenyataan negara-negara Teluk. Jadi, kita perlu juga *balance our position with what has been issued by the respective governments. That is on the travel advisory.*

Sekarang, kalau saya boleh menyentuh berkenaan dengan soalan oleh YB Kubang Pasu berhubung dengan keadaan kapal-kapal kita, sebagaimana yang YB telah nyatakan terdapat dua kapal milik Petronas yang telah selamat tiba di Malaysia susulan usaha yang telah dibuat oleh kerajaan khususnya oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Berhormat Menteri Luar Negeri dalam mendapatkan laluan keselamatan bagi kapal-kapal kita.

Setakat ini, malangnya masih ada lagi kapal kita yang masih lagi berada di kawasan Teluk, khususnya kapal-kapal milik MISC. Tiga daripadanya masih lagi dalam kawasan berkenaan dan satu masing-masing oleh syarikat Shapadu, Vantris Energy, Bintang Samudera dan juga akhir sekali Ginga Tiger.

Tetapi Ginga Tiger saya difahamkan syarikat berkenaan baru-baru ini telah memohon agar kita tidak meneruskan usaha untuk membawa kapal milik syarikat tersebut keluar kerana kapal tersebut *actually is* adalah milik Chevron. Jadi, ada satu isulah. Chevron, tetapi syarikat Chevron itu kita semua tahu milik Amerika Syarikat.

Jadi, dari segi itu, masih terdapat usaha-usaha untuk kita – kita masih lagi berhubung dengan pihak Iran untuk membawa keluar kapal-kapal kita. Namun, usaha – aktiviti yang telah dijalankan oleh pihak Amerika Syarikat pada masa ini menyukarkan kerana ketegangan yang berlaku adalah agak sukar untuk kapal-kapal kita keluar walaupun pada masa yang sama kita juga mungkin perlu melihat sama ada sebarang kerjasama boleh dibuat dengan pihak Amerika Syarikat juga.

Puan Syerleena binti Abdul Rashid: YB Pengerusi, okey. *Thank you.* Saya ada soalan ya. *Basically, has the government conducted diplomatic risk assessment especially on how Malaysia positions can affect? For example, relationships with Iran, Gulf states, the US, China, EU and ASEAN partners. Because, the fact is we need*

to ensure that Malaysia still remains principled without necessary exposing Malaysia to diplomatic or even economic retaliation.

Dato' Ahmad Rozian bin Abd. Ghani: *On that YB, of course...*

Tuan Pengerusi: *Dato', before you answer, I just want to be clear. We had seven ships that was stuck. Two from Petronas dah clear, betul? So, we still have five but one is Chevron. So, we are not pursuing that one. So, balance itu ada empat lagilah.*

Tuan Lee Chuan How: *It's Chevron's cargo, kan?*

Dato' Wan Aznainizam Yusri bin Wan Abdul Rashid: *Cargo is ours.*

Tuan Lee Chuan How: *Cargo is ours but the ship is Chevron.*

Dato' Wan Aznainizam Yusri bin Wan Abdul Rashid: *One of the company in Penang but the ships owned by Chevron. Parts of it are also carrying because our cargo is not the entire ships belong to our companies in Penang.*

Tuan Lee Chuan How: *Our mix cargo.*

Tuan Pengerusi: *So, we have another four-lah basically, minus the Chevron. Betul?*

Dato' Wan Aznainizam Yusri bin Wan Abdul Rashid: *We have...*

Tuan Pengerusi: *Because I read in the news it's seven.*

Dato' Wan Aznainizam Yusri bin Wan Abdul Rashid: *Yes, yes.*

Tuan Pengerusi: *Another four, ya?*

Tuan Lee Chuan How: *My, my — actually, my question on top of the Chairman's question is kapai itu kita punya. Maksudnya, kemungkinan besar krew dia pun orang kita. Berapa orang kita yang ada, yang sekarang duk ataih kapai dan depa selamat ke tidak? Apakah cara dan apakah strategi untuk kita nak tentukan atau pastikan depa selamat?*

Dato' Wan Aznainizam Yusri bin Wan Abdul Rashid: *Terima kasih, YB. Krew kita ada 82 orang di atas kapal-kapal yang telah saya katakan itu. Berdasarkan perbincangan yang kita adakan dengan pihak MISC, sekiranya keadaan ini berlanjutan, kita telah memohon pihak-pihak kapal, company, company kapal itu untuk mempertimbangkan sama ada untuk membawa pulang krew kapal ini dan diganti dengan krew kapal yang baru.*

Cadangan tersebut masih lagi dipertimbangkan. Ada juga penggiliran yang telah dijalankan oleh MISC atas satu kapalnya. Tetapi, kita serahkan perkara ini pada pihak kapal sendirilah.

Tuan Lee Chuan How: *Tetapi, memang punya satu perancangan untuk penggiliran orang dan juga stok makanan apa semualah?*

Dato' Wan Aznainizam Yusri bin Wan Abdul Rashid: Ada perancangan tersebut. Ada, perancangan tersebut ada. Dan kita punya Malawakil-Malawakil yang berkaitan sentiasa berhubung rapat dengan kapten kapal kita. Maksudnya, Malawakil Abu Dhabi, Malawakil Doha memang ada membuat perbincangan berterusan dengan krew dan juga kapten kapal sendiri. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: *Thank you. Ya, please. YB Syerleena's question. Broad issue-lah.*

Dato' Ahmad Rozian bin Abd. Ghani: *Yeah, indeed. As PM has mentioned, Malaysia is one of the very few countries yang masih ada hubungan baik dan akses kepada kedua-dua pihak. GCC dan juga Iran. So, that's why he has been reaching out to both because of course kita dapat tekanan daripada pihak-pihak tertentu. Why are we – you know, still in contact with Iran?*

But, as I mentioned masa pembentangan tadi based on the principle of sovereignty dan juga hubungan baik semua ini, kita sentiasa engage-lah ya. Same goes with other big players. So, kita sentiasa — di ASEAN, contohnya perkara ini sentiasa dibincangkan and Summit is going to happen this week ya di Sib. PM will be there. One of the agenda items would have definitely be developments in West Asia.

ASEAN telah pun mengeluarkan beberapa — apa nama — *ASEAN statement*, mengecam *military attacks-lah* di sana itu. *So, in terms of engagement, we have been doing that. So, we've seen our interest dan juga, politically as well as economically. So, we are not abandoning any but we try as much as possible to balance our relation with all the countries concerns. Thank you.*

Tuan Lee Chuan How: *Chairman, just better top up. We've been talking about the five ships remaining. But, with opt freedom, where do we stand? Are we listed in the eyes of the US in terms of their intend to kind of chaperone out? Are we in their list to be chaperone out? That's number one.*

Number two, I go back to — do we have a war-gain kind of scenario planning, pile of paper or a report where with war-gain the living hell out of every single particular scenario with the warships, the positions of the warships? US warships, where are they? We know — you've said quite clearly that a landing incursion is unlikely, despite that there are pockets of military — US military assets being scattered across the region.

But I think this looks and sounds an increasingly turning out to be more of a navy gain. So, do we have a clearer picture of where US warships are? Where

Chinese warships are and US and Chinese allies' warships are, so that we are better prepared in what's going to happen.

Dato' Wan Aznainizam Yusri bin Wan Abdul Rashid: *Thank you, YB.* Sekali lagi, berdasarkan maklumat perisikan yang kita ada daripada pihak MDIO dan juga JPM Research, pihak-pihak berkenaan ada maklumat berkenaan. Cuma, tidak dikongsi secara *public*-lah. Dari segi...

Tuan Lee Chuan How: Dengan kita okey tak? *[Ketawa]*

Dato' Wan Aznainizam Yusri bin Wan Abdul Rashid: Yang itu, saya — *it's beyond my paygrade at the moment. [Ketawa]* But, in terms of the scenario kapal-kapal kita, buat masa ini kita masih lagi dalam perbincangan dengan pihak Amerika Syarikat berhubung dengan inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Amerika Syarikat.

Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Dato' Rozian sebentar tadi, kita cuba *have a balance position*.

■1040

Kalau kita *join* Amerika Syarikat, mungkin kita akan menutup pintu perbincangan kita dengan pihak Tehran yang mana dari segi laluan di Selat Hormuz, kerjasama Tehran adalah amat diperlukan.

Tuan Lee Chuan How: Maksudnya pihak Amerika Syarikat belum nak tawarkan untuk nak...

Dato' Wan Aznainizam Yusri bin Wan Abdul Rashid: Dia dah tawarkan.

Tuan Lee Chuan How: Oh, dah tawarkan.

Dato' Wan Aznainizam Yusri bin Wan Abdul Rashid: Dia tawarkan untuk kita menyertai inisiatif. *But we are — I think we are still considering it and I don't think* dari segi bahagian Asia Barat, *I think* sebagaimana yang saya telah kongsi sebentar tadi, sekiranya kita dilihat...

Tuan Lee Chuan How: Kita masih nak jual mahal lagilah?

Dato' Wan Aznainizam Yusri bin Wan Abdul Rashid: Sekiranya kita dilihat — saya tak rasa perkataan jual mahal itu. *[Ketawa]*

Tuan Lee Chuan How: *[Ketawa]*

Dato' Wan Aznainizam Yusri bin Wan Abdul Rashid: *It's not from me. But* kalau sekiranya kita dilihat, cuba menyokong sebarang usaha daripada pihak Barat...

Tuan Lee Chuan How: Faham, faham.

Dato' Wan Aznainizam Yusri bin Wan Abdul Rashid: Berkemungkinan ia akan menutup pintu rundingan kita dengan pihak Tehran.

Tuan Lee Chuan How: Faham. *Thank you.* Dan *for the record*, saya setuju dengan apa yang sedang dilakukanlah. Sebab sebelum ini tak tahu.

Tuan Pengerusi: *Thank you...*

Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan: Pengerusi *Chairman*, soalan, boleh?

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan: Bagaimana tentang penempatan tentera-tentera Amerika yang kena serang itu? Kalau ikutkan maklumat daripada kita punya risikanlah, adakah dia kembali pulih dalam pembentukan semasa gencatan senjata ini untuk dia kembali duduk kat situ dan mungkin berlaku serangan balik semula, andaian-andaian itu?

Sebab kalau dilihat dari segi — ya lah, Amerika ini pun bukan mudah nak ditundukkan. Dan juga adakah memang mereka terus lari daripada tempat-tempat, contohnya seperti UAE, kata yang paling besar, enempatan tentera Amerika yang paling besar? Apa pandangan — apa dapatan kita daripada risikan?

Dato' Wan Aznainizam Yusri bin Wan Abdul Rashid: Terima kasih YB Sri Gading. Dari segi maklumat pergerakan ataupun penempatan tentera-tentera Amerika Syarikat, kalau kita lihat kenyataan secara rasmi daripada negara-negara GCC, mereka telah menafikannya.

Jadi, dari segi pendirian Kementerian Luar, kita tak boleh berpendirian bahawa ada penglibatan tersebut kerana dari segi kenyataan rasmi oleh kesemua negara GCC termasuk Arab Saudi dan juga UAE, tiada serangan yang dilancarkan daripada wilayah masing-masing. *That is very clear and that's the issue why the conflict takes place between the GCC and Iran.*

Tapi daripada segi maklumat sebagaimana yang telah saya kongsi sebentar tadi oleh *research, JPM research*, daripada MDIO dan juga cawangan khas, memang terdapat pangkalan-pangkalan tentera Amerika Syarikat yang memainkan peranan. Dan atas alasan inilah, kita berpendirian Kerajaan Malaysia serta Kementerian Luar Negeri, adalah kita berpaksikan kepada *our balance position, our principle position* yang tidak harus sebarang serangan dilaksanakan oleh mana-mana pihak ke atas mana-mana negara.

But balik kepada persoalan tadi, kita tahu memang ada penempatan. Penempatan berkenaan masih lagi seperti biasa. *Albeit*, daripada jumlah bilangan, sebagaimana yang dilaporkan oleh kebanyakan laporan antarabangsa, kebanyakan tentera marin adalah berpangkalan di atas kapal *landing ship* masing-masing.

Tidak ada lagi berita yang menyatakan bahawa tentera marin ini telah pun ditempatkan di UAE atau mana-mana negara GCC buat masa ini. Terima kasih, YB.

Tuan Lee Chuan How: *Chairman, just, just the top-up. I know, I know you are probably not in the position to* nak dedahkan apa yang saya minta itu. Tapi —

and, I respect that. I respect that. Tapi saya rasa jawatankuasa ini sepatutnya punya kuasa untuk panggil, meminta, memohon pendedahan yang sewajarnya daripada pihak-pihak yang mempunyai kuasa untuk kata atau tidak — untuk kata ya atau tidak ke atas nak dedah ke tidak.

So, would you be able to advice — of course if the Chairman allows. Wuld you be able to advice, kita nak — kalau nak tahu, nak minta kat siapa? Sebab, *I mean, this is the house of the people.* Rakyat perlu tahu dan wajar diberitahu. Dan sekiranya wakil rakyat kita sendiri pun tak tahu, kena duduk garu kepala nak tengok, *nak search ChatGPT,* macam mana kita nak *hold the goverment to account?*

So — I mean, with the greatest of respect, I think I understand it's not within your purview because it's not you research. Tetapi kat JPM, kita boleh minta kah tidak — bukan kita boleh minta. Kami — saya rasa saya nak cadangkan supaya kita minta laporan risikan tersebut untuk dibentangkan kepada sekurang-kurangnya kepada jawatankuasa ini. Kita ini memang dah simpan rahsia pun. Cuma, *we just don't know. We don't know what we don't know. So, mohon ulasan.*

Dato' Ahmad Rozian bin Abd. Ghani: Saya rasa terbaiknya untuk mengundang lah agensi-agensi keselamatan untuk memberikan perkongsianlah. *If they're in the position to do that —* kalau kita... *[Ketawa]*

Dato' Wan Aznainizam Yusri bin Wan Abdul Rashid: YB, kami-kami ahli. Kami ahli kepada majlis tersebut. *[Ketawa]* So...

Tuan Pengerusi: *Let, let me, let me advice everybody here lah. Tommorrow, we are goint to meet the ambassadors from the goverment state. So, whatever we are going to say now, I let my members say. But later, we will have to control what we say to them tommorrow. Ya. As for — I know Howard is a young MP, so he's very interested in war. [Ketawa] But it is not our power to...*

Tuan Lee Chuan How: *I'm interested in peace, actually.*

Tuan Pengerusi: *We are not — it is not our purview of this committee to look at that. That is the purview of the keselamatan punya committee. Then, they will do the MIO. I think MIO has the most information. What we know for certain, it is not going to be the ground invasion because you cannot – we invade the coast. The coast is mountainous. The only path to invasion is through Iraq and that's not going to happen.* Dia boleh support-lah sikit-sikit, kacau sini, kacau sana.

But generally, the government state don't want this problem. They don't want any invasion. We also don't want any invasion lah. Right? As for the current arrangement in the American, they are blockade of Hormuz is crazy, to be very frank.

We are cleared from Iran, they going to block us. So, we go and clear the American, the Iranian will have to turn to block us. Don't fall into that trap.

You start negotiate America, Iran will isolate themselves from us. Then, it's over. Our only leverage here is we talk to all sides. Betul? Ya. But later, I'm waiting for Datuk Bahria's briefing. Which country supply us the most oil and the most natural gas? That's more important.

